

NO. SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID [KUALA LANGAT]**

TARIKH : 19 MAC 2015

RUJUKAN : 7720

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah syarikat yang dikenakan tindakan kerana mengambil PATI sebagai pekerja mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan dalam menangani Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang bekerja.

Bagi tempoh penguatkuasaan sehingga tahun 2014, seramai 2,438 orang majikan telah ditangkap di atas kesalahan imigresen dan menggaji PATI.